

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI DR. AHMAD ZAHID
BIN HAMIDI [BAGAN DATUK]**

SOALAN

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan dengan lebih lanjut pelan tindakan Kementerian untuk meningkatkan prasarana pelancongan dan juga mempromosikan pelancongan terutamanya di Parlimen Segamat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya telah memperuntukkan sebanyak RM38.7 juta bagi projek pembangunan di Negeri Johor manakala di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) sebanyak RM5.6 juta telah diperuntukkan. Pada masa ini, tiada sebarang projek di bawah Kementerian yang sedang dilaksanakan di daerah Segamat.

Walau bagaimanapun, Kementerian sentiasa memastikan kerjasama erat dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Johor dalam memberi perhatian kepada produk-produk pelancongan yang berpotensi untuk dibangunkan atau dinaiktarafkan di Negeri Johor khususnya yang memfokuskan kepada produk-produk ekopelancongan. Ia selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk menjadikan ekopelancongan sebagai salah satu segmen premier dalam industri pelancongan yang memanfaatkan aset biodiversiti menerusi perlindungan dan

pemuliharaan yang luas. Sehubungan itu, Kementerian sangat mengalu-alukan cadangan daripada Yang Berhormat demi memajukan produk-produk pelancongan khususnya di Segamat.

Bagi tujuan tersebut, Yang Berhormat disyorkan membuat permohonan melalui UPEN Johor untuk diteliti berdasarkan keutamaan. Permohonan yang dikemukakan seterusnya akan diselaraskan oleh pihak Kementerian sebelum diperakukan untuk pertimbangan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) seterusnya.

Antara program promosi yang telah dilaksanakan oleh Tourism Malaysia (TM) adalah dengan membawa beberapa agensi pelancongan dari Johor Bahru melalui MCTA Youth Team untuk melawat dan mendapatkan pandangan pakej yang boleh diusahakan di Bekok dan juga Labis dan juga mengadakan program Malaysia Clean Malaysia Green di Hutan Lipur, Sungai Bantang, Bekok dengan kerjasama MOTAC, Pejabat Perhutanan dan Pejabat Pendidikan. Selain itu, TM sedang dalam perancangan untuk melawat dan mengenalpasti cara untuk mempromosikan homestay yang baru iaitu Homestay Felda Tenang di Labis dan juga akan bekerjasama dengan Pejabat Perhutanan bagi mengenalpasti tempat yang boleh dijadikan tapak perkhemahan untuk memperkenalkan pakej *eco-adventure*.

Sekian, terima kasih.